

31 JUL 1996

ISU PEMBAHAGIAN KEKAYAAN DUNIA PADA SIDANG PARLIMEN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Malaysia akan membangkitkan isu pembahagian kekayaan dunia pada persidangan ke-42 Persatuan Anggota Parlimen Komanwel (CPA) yang akan diadakan di sini pada 14-24 Ogos ini.

Presiden CPA Tan Sri Mohamed Zahir Ismail berkata ini selaras dengan dasar luar Malaysia dan juga visi Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad untuk melihat semua negara mendapat faedah daripada kekayaan dunia.

"Oleh kerana kebanyakan negara anggota Komanwel adalah dari negara-negara Selatan, Malaysia berpendapat adalah perlu isu ini dibincangkan," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat CPA Malaysia mengenai persidangan itu di sini hari ini.

Antara lain yang akan turut dibincangkan pada persidangan itu ialah hak asasi wanita dalam aspek ekonomi dan politik, pelancongan, penganiayaan kanak-kanak dan isu-isu yang berkaitan dengan mengekalkan demokrasi antara negara-negara Komanwel, kata Zahir, yang juga Speaker Dewan Rakyat Malaysia.

Kata beliau persidangan itu akan dihadiri 430 peserta terdiri daripada speaker, menteri-menteri dan anggota parlimen dari 53 negara Komanwel. Ini kali ketiga Malaysia menjadi tuan rumah persidangan tahunan ini.

-- BERNAMA
RHM WAT AHH